

MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KALI KE 41



1. Pada 22 Februari 2025, Pejabat Kedutaan besar Negara Brunei Darussalam di Kaherah, Republik Arab Mesir telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kali ke 41, bertempat di bangunan pelajar (Darussalam) di Kaherah.



2. Majlis tersebut telah dihadiri oleh Tuan Yang Terutama Pg Md Salimin bin Pg Md Daud, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Arab Mesir, Pegawai-Pegawai Kedutaan Besar dan keluarga LES, warga NBD, pelajar-pelajar Negara Brunei Darussalam yang berada di Mesir serta jemputan daripada warga Mesir.



3. Majlis telah dimulakan dengan solat fardhu zuhur dan solat sunat hajat berjemaah. Ini diteruskan dengan bacaan surah Yassin yang diketuai oleh Ataci Pelajaran dan Kebudayaan sementara Doa Kesyukuran dibacakan oleh Tuan Yang Terutama Duta Besar.
4. Majlis seterusnya diikuti dengan persembahan sketsa daripada para pelajar, tayangan video Hari Kebangsaan serta penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan poster sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke 41.



5. Majlis diakhiri dengan jamuan ringan.
